

21/01/1999

Malaysia tidak cabul kedaulatan Singapura

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, tidak timbul isu Malaysia mencabul kedaulatan Singapura ekoran tindakannya meneruskan operasi Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar walaupun kastam republik itu kini beroperasi di Woodlands.

Beliau berkata, tindakan itu juga tidak bermakna ia mengetepikan hak republik berkenaan.

"Ia tidak bermakna kita tidak hormat Singapura sebagai negara yang berdaulat yang ada hak dalam bidang di dalam penguasaan mereka, tetapi jika ada perkara yang sudah dipersetujui atau persefahaman, ia perlu diteliti dalam konteks untuk kita melahirkan suasana dengan kerjasama yang dipersetujui dilaksanakan dengan baik dan sempurna," katanya ketika ditemubual oleh TV3 di kediamannya di sini, hari ini.

"Kalau soal kedaulatan, ada banyak lagi soal kedaulatan yang kita pula nanti pertikaikan," tambahnya.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Singapura, S Jayakumar yang mahukan Malaysia mengiktiraf kedaulatan Singapura dalam isu imigresen Tanjong Pagar sebelum kedua-dua negara boleh mencari jalan untuk menyelesaikan isu dua hala dalam satu pakej.

Syed Hamid berkata, beliau akan berbincang dengan pegawainya berhubung kenyataan Jayakumar itu.

Sementara itu bercakap di Parlimen, Jayakumar berkata, Singapura sudah memberi Malaysia masa sebulan untuk mengemukakan hujahnya dari segi undang-undang untuk terus mengendalikan kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Stesen Keretapi Tanjong Pagar di sini.

"Kita sudah memaklumkan kepada Malaysia yang jika mereka tidak mahu mengemukakan hujah mereka dari segi perundangan dalam masa sebulan, kita menganggap mereka tidak lagi berminat untuk terus berada di Tanjong Pagar," kata beliau.

Menurut pegawai Kementerian Luar di sini pula, tempoh sebulan itu bermula selepas Ramadan berakhir.

Jayakumar berkata, Singapura tidak boleh meneruskan rundingan untuk menyelesaikan pakej isu berbangkit itu seperti yang dipersetujui Perdana Menteri kedua-dua negara bulan lalu selagi kedaulatan Singapura dalam hal berhubung KIK itu tidak diiktiraf.

Beliau berkata, pendirian Singapura ialah kemudahan KIK Malaysia di Tanjong Pagar bukan berdasarkan kepada hak perundangan atau hak luar wilayah tetapi berdasarkan 'pelepasan dan kebenaran Kerajaan Singapura'.

Kontroversi KIK itu tercetus Ogos lalu apabila Singapura memindahkan kemudahan KIK dari Stesen Keretapi Tanjong Pagar ke Pusat Pemeriksaan Woodlands pada 1 Ogos.

Bagaimanapun, Malaysia tidak mahu berganjak dari situ dan terus mengekalkan pemeriksaan imigresennya di Tanjong Pagar.

Perkhidmatan kereta api ke republik itu diuruskan oleh KTM Berhad sejak 1920-an ketika penjajahan British.

Jayakumar berkata, Malaysia tidak menepati tarikh akhir 15 Disember untuk mengemukakan hujah perundangannya dan pada 26 Disember lalu, Menteri Luar Malaysia pada masa itu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata persetujuan terbaru antara pemimpin kedua-dua negara pada 17 Disember untuk membincangkan semua isu berbangkit dalam satu pakej, menggantikan sebarang persefahaman sebelumnya.

Abdullah, yang kini Timbalan Perdana Menteri juga berkata pegawai

Malaysia akan memulakan rundingan selepas Aidilfitri ini.

Jayakumar berkata, beliau menjawab kepada Malaysia pada 30 Disember lalu, menyatakan yang Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong memberitahu rakannya di Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang Malaysia perlu mengiktiraf kedaulatan Singapura dan bukan menuntut yang Malaysia mempunyai hak di bawah undang-undang untuk terus menempatkan KIK di Tanjong Pagar.

"Goh juga berkata walaupun tiada undang-undang yang membenarkan Imigresen Malaysia beroperasi di Singapura, beliau sedia membincangkan lokasi bagi kemudahan KIK Malaysia di Singapura sebagai sebahagian daripada pakej isu dua hala yang perlu diselesaikan," kata beliau.

Kepada soalan tindakan berikut republik itu jika Malaysia gagal mengemukakan hujahnya dalam tempoh itu, Jayakumar berkata beliau tidak mahu berkata apa-apa sekarang dan akan menunggu tindak balas Malaysia terlebih dulu.

Ditanya lagi jika pakej rundingan itu termasuk cadangan membina sebuah jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor, Jayakumar berkata perkara itu bukan sebahagian daripada pakej itu.

Beliau berkata, Singapura masih belum dimaklumkan secara rasmi oleh Kerajaan Malaysia mengenai sebarang rancangan walaupun ada laporan akhbar sebuah konsortium akan menjalankan projek itu.

"Sebarang cadangan untuk membina jambatan itu mesti dipersetujui oleh kedua-dua kerajaan," kata beliau.

(END)